



**BORANG SEBUTHARGA  
KONTRAK KERJA-KERJA MENCETAK  
DAN MEMBEKAL STIKER PERMIT  
SEPANDUK / KAIN PAMPANG**

**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

**NO. SEBUTHARGA : S1211001**

**JABATAN PELESENAN**

**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

JABATAN PELESENAN  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA  
14000 BUKIT MERTAJAM

No. Fail : MPSP/30/6-1/5 Bah. 30

Tarikh : 09 JUN 2011

KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran Sebutharga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan menyertai sebutharga seperti berikut :-

No. Sebutharga	Butir-butir Sebutharga	Harga Borang Sebutharga	Syarat Pendaftaran	Tarikh Dijual	Tarikh Sebutharga Ditutup
S 1211001	Kerja-kerja Mencetak Dan Membekal Stiker Permit Sepanduk / Kain Pampang	RM10.00 atas nama Pejabat Kewangan Negeri  (tidak akan dikembalikan)	Kementerian Kewangan dibawah kod bidang 221006	09 JUN 2011	22 JUN 2011

Kontraktor-kontraktor hendaklah berdaftar dengan **Sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** melalui laman web **ep.penang.gov.my** dan telah disahkan sijil pendaftaran melalui manamana agensi adalah layak menyertai tawaran ini. Dokumen Tawaran adalah dijual secara *on-line* melalui laman web tersebut.

Tawaran akan ditutup pada tarikh seperti di atas. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul No. Tawaran dan jenis kerja yang berkaitan serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran di Kaunter Berpusat, Majlis Perbandaran Seberang Perai Jalan Perda Utama , Bandar Perda 14000 Bukit Mertajam** sebelum jam 12.00 tengahari.

Pihak MPSP tidak terikat untuk menerima Tawaran Sebutharga yang terendah atau sebarang Tawaran.



(MOHD IBRAHIM BIN MD NOR)  
Pengarah Pelesenan  
b.p. Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**SENARAI DOKUMEN WAJIB YANG PERLU DIKEMUKAKAN BAGI  
TUJUAN PENILAIAN SEBUTHARGA**

(BORANG INI HENDAKLAH DIISI DAN DIKEMUKAKAN OLEH PETENDER BERSAMA DENGAN DOKUMEN SEBUTHARGA)

SEBUTHARGA:.....

BIL.	DOKUMEN YANG WAJIB DIKEMUKAKAN OLEH PETENDER	PETENDER		SEMAKAN DAN PENGESAHAN JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUTHARGA		CATITAN (UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA)
		ADA (✓)	TIADA (x)	ADA (✓)	TIADA (x)	
1.	BORANG SEBUTHARGA DIKEMBALIKAN					
	- SENARAI KUANTITI (BQ) / RINGKASAN TENDER / KADAR HARGA YANG LENGKAP DIISI DAN PENGIRAAN ADALAH BETUL					
2.	PENYATA AKAUN BANK BAGI 3 BULAN TERAKHIR Nyatakan Bulan 1. .... 2. .... 3. ....					
3.	PROFIL SYARIKAT (yang mengandungi maklumat siji-siji pendaftaran yang berkaitan, pengalaman, peralatan, loji dan sebagainya)					
4.	MEMPUNYAI PENGALAMAN ATAU PENDIDIKAN DALAM ISO 14001 DAN OHSAS 18001 (Sila sertakan bukti/sijil atau maklumat berkaitan)					
5.	JUMLAH MUKA SURAT (termasuk Borang Sebutharga, profil dan apa-apa lampiran tambahan yang disertakan)					

Kontraktor : .....  
(Syarikat) .....

.....  
(Tandatangan)  
Nama:.....  
Jawatan:.....

Cop / Meteri Syarikat

Jawatankuasa Pembuka Sebutharga

1. ....  
(Tandatangan)

Nama : .....  
Jawatan : .....  
Tarikh : .....

2. ....  
(Tandatangan)

Nama : .....  
Jawatan : .....  
Tarikh : .....

Nota:

Sekiranya kontraktor gagal mengisi borang ini, semakan dan Pengesahan Jawatankuasa Pembuka Sebutharga dikira sah untuk pertimbangan.

MAKLUMAN KEPADA SEMUA PENTENDER / KONTRAKTOR /  
PEMBEKAL BERKAITAN PELAKSANAAN  
ISO 14001 & OHSAS 18001

\*\*\*\*\*

Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang melaksanakan ISO 14001 (Environmental Management System) dan OHSAS 18001 (Occupational Health & Safety Management System). Selaras dengan pelaksanaan tersebut pentender/ kontraktor/pembekal yang ingin memasuki tawaran/sebutharga Majlis perlu kompetan pada kedua-dua bidang tersebut.

Kriteria kelayakan memasuki tawaran/sebutharga akan ditentukan seperti berikut:-

- a) **Pengalaman**  
Pentender/kontraktor/pembekal pernah melaksanakan kontrak/kerja dengan syarikat yang beriktirafan ISO 14001 dan OHSAS 18001 dalam bidang atau jenis kontrak yang sama seperti ditawarkan oleh MPSP. Bukti dokumen berkaitan perlu disertakan.; **atau**
- b) **Pendidikan**  
Pentender/kontraktor/pembekal pernah menghadiri kursus berkaitan ISO 14001 dan OHSAS 18001 dengan mengemukakan salinan penyertaan; **atau**
- c) **Kursus**  
Pentender/kontraktor/pembekal telah menghadiri kursus 'Keperluan Pengurusan Alam Sekitar Serta Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan' yang dianjurkan oleh MPSP.

Kursus di perenggan ( c ) di atas adalah **DISYARATKAN** bagi pentender/kontraktor/pembekal yang tidak mempunyai kelayakan seperti di perenggan ( a ) atau ( b ). Salinan sijil Kursus Dengan Jayanya akan dikeluarkan dan perlu disertakan semasa memasuki tawaran/sebutharga. Tarikh, tempat dan masa kursus akan ditentukan. Untuk maklumat lanjut sila hubungi Bahagian Latihan/Kursus di talian 04-5497453

Kursus yang dianjurkan oleh Majlis adalah dikenakan bayaran sebanyak RM50.00. Sijil yang dikeluarkan adalah sah untuk tempoh tiga (3) tahun sahaja. Pentender/kontraktor/pembekal boleh menggunakannya untuk memasuki mana-mana tawaran/sebutharga di Majlis Perbandaran Seberang Perai.



## PENGUMUMAN PELAKSANAAN SISTEM PENGKALAN DATA TENDER/SEBUTHARGA

Adalah dimaklumkan mulai 1 Ogos 2010 semua tender/sebutharga baru pihak kontraktor/pembekal adalah dikehendaki menginputkan sendiri maklumat-maklumat seperti pendaftaran syarikat, pengalaman kerja, kerja semasa, loji dan kakitangan syarikat melalui **Sistem Pengkalan Data Tender/Sebutharga** .

Pihak kontraktor/pembekal hanya mengemukakan dokumen tender atau borang sebutharga bersama penyata bank 3 bulan terkini dan/atau Laporan Institusi Kewangan (Borang C dan/atau CA) atau Kunci Kira-Kira bagi syarikat sendirian/berhad semasa menghantar Tender/Sebutharga di Kaunter Berpusat. Sila layari laman web MPSP di [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) untuk pendaftaran kod bagi pembekal baru dan pengesahan pendaftaran perlu dikemukakan ke Jabatan Perbendaharaan, MPSP.

Bagi kontraktor/pembekal yang telah mempunyai kod pembekal sila kemaskini maklumat syarikat di laman web tersebut. Sebarang pertanyaan boleh hubungi di talian 04-5497555/450/452/445

Sila ambil perhatian maklumat yang di input hendaklah benar dan jika didapati terdapat penipuan data/palsu secara automatiknya MPSP berhak membatalkan Tender/ Sebutharga yang telah dimasuki.

**SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA**

**Bagi**

NO. SEBUTHARGA : S1211001

KONTRAK MENCETAK DAN MEMBEKAL STIKER PERMIT SEPANDUK / KAIN PAMPANG

Saya ..... (Pemilik Syarikat) nombor  
K.P..... yang ..... memiliki.....  
..... (Nama Syarikat) nombor pendaftaran  
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan  
bahawa saya mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana  
individu ..... dalam.....  
.....(Nama  
Kementerian/Agensi) atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/  
sebutharga \* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar  
atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam  
.....(Nama Kementerian /Agensi) atau  
mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/ sebutharga \* seperti di atas, maka  
saya sebagai pemilik syarikat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri berhak mengambil tindakan-  
tindakan berikut :-

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebutharga \* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/ sebutharga \* yang ditandatangani tanpa bayaran  
gantirugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau  
menawarkan rasuah; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-  
mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/ sebutharga  
\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada  
pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
(Tandatangan)

Nama : .....

No. K.P : .....

Cap Syarikat:

Catatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan.

**KONTRAK MENCETAK DAN MEMBEKAL  
STIKER PERMIT SEPANDUK / KAIN PAMPANG  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

---

**KANDUNGAN**

**LAMPIRAN A : SPESIFIKASI DAN SYARAT-SYARAT KHAS STIKER**

**LAMPIRAN B : SYARAT-SYARAT KONTRAK MENCETAK DAN MEMBEKAL  
STIKER PERMIT STIKER PERMIT SEPANDUK / KAIN PAMPANG  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**


**LAMPIRAN C : BORANG TAWARAN**

**SPEKIFIKASI DAN SYARAT-SYARAT KHAS STIKER**

---

- (a) Tempoh sah laku stiker ini adalah untuk satu (1) tahun.
- (b) Muka hadapan stiker mempamerkan lambang Majlis dan maklumat seperti di bawah :-
  - i. No. Siri
  - ii. Undang-Undang Kecil (Iklan) MPSP
  - iii. Tempoh sah
  - iv. Harga sekeping stiker iaitu RM20.00
  - v. Tandatangani Setiausaha Perbandaran
- (c) Jenis plastik yang hendak digunakan untuk stiker hendaklah dari bahan "T" PVC 100 mic.
- (d) Saiz setiap stiker hendaklah berukuran 18sm x 12.5sm.
- (e) Warna stiker bagi setiap bulan adalah atas pilihan Majlis dan akan diberitahu.
- (f) Tulisan yang digunakan didalam rekabentuk hendaklah jelas dan terang dan berwarna hitam.
- (g) Pesanan Kerajaan akan disediakan mengikut jadual bekalan atau mengikut keperluan kegunaan semasa.
- (h) Jika pihak Majlis masih lagi memerlukan stiker selepas bekalan berakhir, maka tempahan berikutnya adalah seperti harga bekalan yang kedua belas (12).
- (i) Kontrak adalah sah selama dua (2) tahun sahaja.
- (j) Pender juga perlu menyertakan contoh stiker yang telah siap direkabentuk mengikut saiz kupon yang ditetapkan.
- (k) Jika pihak tuan dipilih untuk membekalkan stiker ini, maka stiker-stiker hendaklah dibungkus dalam plastik sebanyak 100 keping satu bungkus dan dicatitkan nombor sirinya pada bahagian atas sebelah kanan stiker tersebut semasa membuat penghantaran.

NO. SIRI : 102301



**UNDANG-UNDANG KECIL (IKLAN)  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI 2001**

Tempoh..... Hingga .....

Bayaran : RM 20.00

.....  
SETIAUSAHA PERBANDARAN

**SYARAT-SYARAT KONTRAK MENCETAK DAN MEMBEKAL  
STIKER PERMIT SEPANDUK / KAIN PAMPANG  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

---

**1. SYARAT-SYARAT AM**

Semua barang-barang mestilah baru dan belum digunakan.

**2. DISKAUN**

Tiap-tiap diskaun termasuk diskaun-diskaun perniagaan, tunai dan bayaran cepat yang diberi atas harga, mestilah ditunjukkan.

**3. PEMERIKSAAN**

- (i) Majlis adalah berhak mengarahkan barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seorang pegawai yang dilantiknya semasa ianya dibuat atau pada bila-bila masa yang lain sebelum diserahkan.
- (ii) Pembekal hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

**4. PERAKUAN MEMATUHI PENENTUAN**

Penender-penender adalah dikehendaki memperakui bahawa barang-barang / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau standard (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

**5. PENOLAKAN**

- (i) Barang-barang yang kualitinya rendah ataupun yang berlainan dari yang disetujuterima dalam tawaran boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta, pembekal hendaklah memindahkan barang-barang yang ditolak itu atas risiko dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Majlis segala perbelanjaan yang telah dilakukan atas barang yang ditolak.
- (iii) Fasa kecil (i) dan (ii) di atas adalah tanpa menyentuh apa-apa hak terhadap gantirosak kerana melanggar kontrak.

## **6. PENGIKLANAN**

Tiada maklumat berkenaan kontrak boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain perantaraan iklan tanpa kelulusan terlebih dahulu dari Majlis.

## **7. TAFSIRAN**

Tawaran ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada undang-undang Malaysia, dan penender bersetuju patuh kepada bidangkuasa eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia dalam apa-apa jenis pertikaian atau perselisihan yang timbul daripadanya.

## **8. INSURAN**

Tiada apa-apa insuran atau barang-barang dalam perjalanan dari negeri pembekal atau dalam Malaysia boleh dimasukkan dalam tawaran.

## **9. SYARAT TAMBAHAN**

Sila sertakan salinan penyata bank bagi 3 bulan yang terakhir.

## **10. WANG CAGARAN**

Wang Cagaran (Performance Bond) sebanyak 2.5% dari jumlah harga kontrak dalam bentuk wang tunai atau Jaminan Bank atau Jaminan Insuran hendaklah sampai ke Jabatan Pelesenan sebelum perkhidmatan ini dimulakan. Bayaran tidak akan dibuat sekiranya tuan tidak mematuhi keperluan ini.

## **11. TINDAKAN TATATERTIB**

- (i) Jika penender-penender gagal membekalkan pesanan / perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan, Majlis akan mengkaji semula tawaran penender yang berkenaan dan kontrak mungkin akan dibatalkan dan diberi kepada pembekal yang lain.
- (ii) Tindakan-tindakan akan diambil oleh Majlis terhadap kontraktor yang melanggar syarat-syarat kontrak / sebutharga mengikut surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 20 Tahun 1986.

## **12. TEMPOH SAHLAKU TAWARAN**

Tempoh sahlaku tawaran adalah 120 hari dari tarikh tutup tawaran sekiranya lanjutan diperlukan penender alan dimaklumkan dan berhak untuk menolak atau menerimanya.

### **13. PERBUATAN RASUAH**

Sebarang tawaran yang membentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang boleh mempengaruhi petender/penyebut harga akan menyebabkan tender/sebutharga tersebut ditolak dengan serta merta

### **14. 'INTEGRITY PACT'**

Petender/Kontraktor dikehendaki mengisi Surat Akuan Pembida(dikepalkan). Kegagalan membuat demikian boleh menyebabkan tender/sebutharga ditolak. Tujuan utama 'integrity pact' dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk:

- (i) Mengelakkan petender/penyebut harga daripada menawar atau memberi rasuah
- (ii) Menghendaki petender/penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada pihak berkenaan
- (iii) Memastikan Kerajaan tidak menanggung 'unnecessary cost' dalam pelaksanaan urusan perolehan.

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
Jalan Perda Utama, Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam

---

Bil. Fail : MPSP/30/6-1/5 Bah. 30

Tarikh :

No. Tawaran : S1211001

**BORANG TAWARAN**

Nama Syarikat : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_ No. Fax : \_\_\_\_\_

Sijil Kementerian Kewangan : \_\_\_\_\_

No. Pendaftaran Perniagaan : \_\_\_\_\_

Yang DiPertua  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Saya / Kami telah memahami jenis kerja dan bentuk stiker yang akan dicetak dan dengan ini memberikan tawaran untuk kerja-kerja seperti berikut :-

**“MENCETAK DAN MEMBEKAL STIKER  
PERMIT SEPANDUK / KAIN PAMPANG”**

Bil.	Spesifikasi Kerja	Jumlah (RM)
1.	<p>Membekal dan mencetak stiker bulanan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan mengikut jadual seperti berikut :-</p> <p>(a) Bekalan Pertama : 5,000 keping</p> <p>(b) Bekalan Kedua : 5,000 keping</p> <p>(c) Bekalan Ketiga : 5,000 keping</p> <p>(d) Bekalan Keempat : 5,000 keping</p> <p>(e) Bekalan Kelima : 5,000 keping</p> <p>(f) Bekalan Keenam : 5,000 keping</p> <p>(g) Bekalan Ketujuh : 5,000 keping</p> <p>(h) Bekalan Kelapan : 5,000 keping</p> <p>(i) Bekalan Kesembilan : 5,000 keping</p> <p>(j) Bekalan Kesepuluh : 5,000 keping</p> <p>(k) Bekalan Kesebelah : 5,000 keping</p> <p>(l) Bekalan Keduabelas : 5,000 keping</p> <p>Pihak Majlis akan memesan kupon-kupon mengikut keperluan kegunaan semasa. Penender akan diberitahu sebulan daripada tarikh kupon-kupon tersebut diperlukan.</p> <p>(Jumlah pesanan 5,000 setiap pesanan masih tidak diubah)</p>	<p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p>
2.	<p>(Harga hendaklah termasuk semua cukai berkaitan)</p> <p>Sila nyatakan tempoh penghantaran setiap bekalan.</p> <p>_____ (hari)</p> <p align="right"><b>JUMLAH BESAR : RM</b></p> <p>Dengan Perkataan : Ringgit Malaysia .....</p> <p>.....</p>	<p>.....</p> <p>_____</p> <p>.....</p>

.....  
(Tandatangan Syarikat)

Nama : .....

No. K/P : .....

Jawatan : .....

Cop atau Meteri Syarikat

.....  
(Tandatangan Saksi)

Nama : .....

No. K/P : .....

Alamat : .....

.....

.....